

- 33 Pak Cik Mat \_\_\_\_\_ kambingnya pada sebatang pokok agar tidak berkeliaran ke merata-rata tempat.  
 A memintal  
 B menahan  
 C menambat  
 D memegang

Soalan 34 berdasarkan gambar di bawah.



- 34 Setiap tahun, Encik Tahir akan \_\_\_\_\_ rumah terbuka untuk mengeratkan hubungan silaturahim dengan keluarga dan jiran tetangganya.  
 A menyatakan  
 B mengadakan  
 C menyediakan  
 D mempersembahkan
- 35 Saya \_\_\_\_\_ kanak-kanak yang terjatuh itu untuk memujuknya agar berhenti menangis.  
 A mengasihi  
 B menjauhi  
 C melarikan  
 D mendekati

Soalan 36 berdasarkan gambar di bawah.



- 36 Nenek Embun lebih gemar menggunakan cara tradisional untuk \_\_\_\_\_ kelapa.  
 A memarut  
 B menggaul  
 C menggarut  
 D menggosok
- 37 Tukang sapu itu \_\_\_\_\_ cebisan kertas yang \_\_\_\_\_ di kaki lima bangunan itu.  
 A menyapu ... bertaburan  
 B mengelap ... berlelehan  
 C mengesat ... berlebihan  
 D membasuh ... berguguran

- 38 Nek Jah selalu \_\_\_\_\_ akan anak bongsunya yang sedang menyambung pengajian di luar negara.  
 A teringat  
 B beringat  
 C mengingati  
 D teringatkan

- 39 Nazim dan rakan-rakannya selamat \_\_\_\_\_ puncak bukit itu dengan jayanya.  
 A pendakian  
 B mendaki  
 C pendaki  
 D terdaki

Soalan 40 berdasarkan gambar di bawah.



- 40 Bayi yang normal biasanya akan belajar \_\_\_\_\_ dalam usia enam hingga sembilan bulan.  
 A menjalar  
 B menyeret  
 C merangkak  
 D mengesot
- 41 Beliau akan berduet \_\_\_\_\_ penyanyi tersohor dari Indonesia \_\_\_\_\_ mendendangkan lagu-lagu keroncong di Dewan Filharmonik Petronas.  
 A dan ... bagi  
 B juga ... supaya  
 C antara ... agar  
 D dengan ... untuk
- 42 Lengan Mak Cik Biah berasa sangat \_\_\_\_\_ setelah terkena getah pokok keladi itu.  
 A gatal  
 B dingin  
 C pedas  
 D sengal
- 43 Walaupun masih \_\_\_\_\_ tetapi mukanya kelihatan \_\_\_\_\_ kerana sering melakukan kerja-kerja berat di bawah terik matahari.  
 A tua ... cantik  
 B kecil ... muda  
 C besar ... lawa  
 D muda ... tua
- 44 Azura memiliki ramai kawan kerana dia seorang yang \_\_\_\_\_.  
 A pamarah  
 B peramah  
 C bongkak  
 D pendiam